AUTHOR: Muhaamad Hafis Nawawi SECTION: SETEMPAT PAGE: 1,2 PRINTED SIZE: 896.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 35,162.00 ITEM ID: MY0055403052



01 SEP, 2023

# Rampas rokok seludup RM587j

Harian Metro, Malaysia






Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



01 SEP, 2023

Rampas rokok seludup RM587j

Harian Metro, Malaysia





# Rampas rokok seludup RM587j

## *JKDM rampas lebih 794 juta batang rokok sepanjang 3 tahun lalu*

**Oleh Muhaamad Hafis Nawawi**
mhafis@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas lebih 794 juta batang rokok dengan anggaran nilai dan cukai lebih RM587 juta sepanjang tiga tahun ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Zazuli Johan berkata, ia hasil penguatkuasaan dijalankan pihaknya yang dilihat memberi kesan besar dalam usaha membanteras penyeludupan rokok.

"Bagi tempoh enam bulan tahun ini saja, lebih 97 juta batang rokok seludup berjaya dirampas dengan anggaran nilai dan cukai lebih RM80 juta," katanya kepada Harian Metro.



Menurut Zazuli, taktik penyeludupan pula lebih tertumpu kepada pengikraran palsu selain rokok diseludup bersama dagangan lain bagi mengaburi pihak berkuasa.

> *"Taktik lain yang digunakan turut membabitkan pengubahsuaian pada ruangan khas kenderaan. Walaupun pelbagai taktik digunakan sindiket, namun hasil pengalaman dan kecekapan JKDM, usaha itu berjaya dilumpuhkan"*
>
> **Zazuli**

"Taktik lain yang digunakan turut membabitkan pengubahsuaian pada ruangan khas kenderaan.

"Walaupun pelbagai taktik digunakan sindiket, namun hasil pengalaman dan kecekapan JKDM, usaha itu berjaya dilumpuhkan," katanya.

Menurut beliau, keberkesanan operasi penguatkuasaan ini juga adalah hasil daripada penyaluran dan perkongsian maklumat awam.

Zazuli turut menyeru masyarakat supaya terus memberikan kerjasama kepada JKDM untuk membanteras aktiviti penyeludupan yang memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

isentia
AUTHOR: Muhaamad Hafis Nawawi SECTION: SETEMPAT PAGE: 1,2 PRINTED SIZE: 896.00cm²
REGION: KL MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 35,162.00 ITEM ID: MY0055403052



01 SEP, 2023

# Rampas rokok seludup RM587j

Harian Metro, Malaysia



## SUMMARIES

MS2 SEKATASAPKARTEL GUNA PELBAGAI TAKTIK SELUDUP ROKOKSejumlah lebih 794 juta batang rokok seludup dianggarkan bernilai lebih RM587 juta berjaya dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam tempoh tiga tahun lalu. Untuk rekod, 60 peratus pasaran rokok dalam negara dikuasai kartel rokok seludup.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.